

Spekulasi bubar Parlimen hangat

PEMBACA yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bharian.com.my

TIADA siapa tahu apa yang berada dalam pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika ini berkaitan tarikh pembubaran Parlimen untuk memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU). Teka-teki mengenainya sudahpun bertiuip kengang sejak Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu.

Sejak itu antara soalan wajib kepada Najib oleh wartawan ialah sama ada beliau sudah mendapat ilham untuk membubar Parlimen mahupun bilakah beliau akan menghadap Yang di-Pertuan Agong untuk memohon perkenan bagi membubarkan Parlimen.

Rata-rata semua pihak membuat ramalan mengikut alasan masing-masing mengenai tarikh PRU-13 dan antara tempoh masa menjadi perhatian utama ialah musim cuti sekolah hujung bulan ini. Ada yang meramalkan Parlimen dibubar pada penghujung Mei dan seterusnya PRU-13 bakal diadakan pada awal bulan Jun ini.

Spekulasi ini semakin menjadi hangat apabila Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) juga dilihat semakin melipatgandakan segala usaha se-

bagai persiapan akhir untuk mengadakan PRU-13 andainya Parlimen dibubarkan dalam masa terdekat ini.

Namun, hakikatnya jawapan kepada segala spekulasi dan teka-teki ini hanya boleh dimuktamadkan oleh Najib seorang saja. Sebagai Perdana Menteri, itu adalah hak mutlak beliau. Najib juga sejak kebelakangan ini dilihat seolah-olah memberi bayangan kepada semua bahawa detik dan saat dinanti-nantikan itu semakin hampir.

Ternyata sekarang Najib boleh dikatakan berada dalam situasi cukup selesa untuk membubarkan Parlimen seterusnya menghadapi pilihan raya pertama sebagai Perdana Menteri. Keyakinan ini adalah berdasarkan beberapa sebab yang cukup kukuh.

Antaranya pelbagai inisiatif diperkenalkan oleh Najib terutamanya melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) merangkumi Program Transformasi Ekonomi (GTP) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mula menampilkan hasil yang cukup nyata dan membanggakan.

Dalam pada itu apa yang berlaku ketika sambutan Ulang Tahun Ke-66 UMNO baru-baru ini terus memperkukuhkan kedudukan dan pengaruh Najib. Kehadiran dan sokongan hampir 100,000 ahli UMNO dari seluruh negara membuktikan bahawa sokongan rakyat terutamanya orang Melayu terhadap Najib dan kerajaan makin kuat, malah semakin terserlah.

Perhimpunan begitu besar yang berlangsung dalam keadaan cukup

tertib, teratur dan aman itu bukan saja membuktikan tahap disiplin dan contoh terbaik, tetapi juga membuktikan bahawa Najib berada pada landasan betul dan tepat untuk mengadakan PRU 13.

Penulis yakin peserta yang berhimpun di Stadium Nasional itu hanyalah sebahagian daripada majoriti rakyat yang mula menaruh kepercayaan tinggi terhadap kepemimpinan Najib.

Maka sewajarnya ia memberikan isyarat cukup jelas kepada Najib bahawa majoriti rakyat masih menyokongnya dan yakin pada kepemimpinannya.

Malah, mutakhir ini kita boleh melihat dengan jelas peningkatan ketara dalam bilangan rakyat yang membanjiri perhimpunan mahupun perjumpaan yang dihadiri oleh Najib. Ia seolah-olah memberi isyarat kepada Najib agar sudah boleh membubarkan Parlimen pada bila-bila masa saja.

Dalam pada itu persiapan Barisan Nasional (BN) baik UMNO mahupun parti komponen lain untuk menghadapi PRU-13 juga dilihat sudah teliti dan mantap.

Justeru, penulis percaya dan yakin inilah saat dan detik paling tepat dan terbaik untuk Najib membubarkan Parlimen dan memberi laluan kepada PRU-13.

Najib perlu mendengar denyut nadi rakyat yang mahukan PRU-13 dengan segera agar dapat memberi mandat besar kepada BN.

**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED,**

Universiti Putra Malaysia, Serdang.